



# AKADEMIK

U N I V E R S I T I   T E K N O L O G I   M A R A

Bilangan 13 Tahun 2020

## PENAMBAHBAIKAN PELAKSANAAN LATIHAN SUB KEPAKARAN, LATIHAN KLINIKAL DAN PERKHIDMATAN KLINIKAL STAF UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)

### TUJUAN

1. Pekeling ini bertujuan memaklumkan kepada semua warga Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan pihak yang berkepentingan mengenai penambahbaikan pelaksanaan Latihan Sub Kepakaran, Latihan Klinikal dan Perkhidmatan Klinikal staf UiTM.

### LATAR BELAKANG

2. Program Latihan Sub Kepakaran, Latihan Klinikal dan Perkhidmatan Klinikal merupakan satu bentuk skim pembangunan staf akademik yang bertujuan untuk memberi peluang latihan, pengalaman dan peningkatan kepakaran di Hospital-Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Universiti Awam (UA), Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dan industri/Badan Bukan Kerajaan (NGO) lain dalam dan luar negara.

3. Pensyarah Klinikal di Fakulti Perubatan dan Fakulti Pergigian perlu mempunyai pengetahuan klinikal yang luas untuk membolehkan mereka menyampaikan pengajaran klinikal dengan lebih berkesan kepada pelajar program perubatan dan pergigian. Ini memerlukan mereka membuat tugas klinikal, secara amnya, supaya mereka tidak kehilangan kemahiran klinikal mereka sekiranya perkhidmatan itu terhenti.

4. Selain daripada itu, pakar perubatan/pergigian pula perlu membuat sub kepakaran untuk mereka mendalami bidang masing-masing agar dapat memberi perkhidmatan yang specialised dan lebih efektif. Program-program pascasiswa juga memerlukan pakar-pakar yang mengkhususi bidang-bidang tertentu.

5. Panduan Pelaksanaan Latihan Sub Kepakaran, Latihan Klinikal dan Perkhidmatan Klinikal Staf UiTM telah diluluskan oleh Majlis Sumber Manusia (MSM) dalam mesyuarat ke-45 pada 16 April 2020. Sehubungan itu, bersama ini dilampirkan Panduan Latihan Sub Kepakaran, Latihan Klinikal dan Perkhidmatan Klinikal Staf UiTM.

## **PELAKSANAAN**


6. Permohonan untuk mengikuti Latihan Sub Kepakaran, Latihan Klinikal dan Perkhidmatan Klinikal bagi staf Fakulti Perubatan dan Fakulti Pergigian UiTM perlulah mematuhi Panduan Pelaksanaan Latihan Sub Kepakaran, Latihan Klinikal dan Perkhidmatan Klinikal yang digariskan.

## **TARIKH DIKELUARKAN**

7. Pekeliling ini dikeluarkan pada 01 Julai 2020.

## **TARIKH KUATKUASA**

8. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 16 April 2020.



**PROFESOR TS. DR. HAJI MOHAMAD KAMAL HAJI HARUN, FASc**  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Dikelilingkan Kepada:

- Semua Dekan Fakulti / Akademi / Institut
- Semua Rektor UiTM Cawangan
- Pengarah Pusat
- Semua Ketua Bahagian / Jabatan / Pusat / Unit

Bil. Fail : 100-HEA (6/4)  
Kategori Pekeliling : Garis Panduan



# PANDUAN LATIHAN SUB KEPAKARAN, LATIHAN KLINIKAL DAN PERKHIDMATAN KLINIKAL STAF UiTM



## **1. PENDAHULUAN**

Program Latihan Sub Kepakaran, Latihan Klinikal dan Perkhidmatan Klinikal merupakan satu bentuk skim pembangunan staf akademik yang bertujuan untuk memberi peluang latihan, pengalaman dan peningkatan kepakaran di Hospital-Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Universiti Awam (UA), Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dan industri/Badan Bukan Kerajaan (NGO) lain dalam dan luar negara.

Pensyarah Klinikal di Fakulti Perubatan dan Fakulti Pergigian perlu mempunyai pengetahuan klinikal yang luas untuk membolehkan mereka menyampaikan pengajaran klinikal dengan lebih berkesan kepada pelajar program perubatan dan pergigian. Ini memerlukan mereka membuat tugas klinikal, secara amnya, supaya mereka tidak kehilangan kemahiran klinikal mereka sekiranya perkhidmatan itu terhenti.

Selain daripada itu, pakar perubatan/ pergigian pula perlu membuat sub kepakaran untuk mereka mendalami bidang masing-masing agar dapat memberi perkhidmatan yang *specialised* dan lebih efektif. Program-program pascasiswazah juga memerlukan pakar-pakar yang mengkhususi bidang-bidang tertentu.

Garis panduan ini bertujuan untuk memberi panduan kepada staf tentang pelaksanaan berkaitan latihan dalam perkhidmatan iaitu Latihan Sub Kepakaran, Latihan Klinikal dan Perkhidmatan Klinikal bagi Pensyarah Klinikal di Fakulti Perubatan dan Fakulti Pergigian UiTM.

## **2. OBJEKTIF**

- 2.1 Memenuhi syarat pengiktirafan kepakaran dalam sub bidang (Program Sub Kepakaran).
- 2.2 Menambah dan meluaskan pengalaman supaya dapat menjalankan tugas perkhidmatan klinikal, pengajaran dan penyelidikan yang lebih berkesan yang diperlukan oleh Fakulti / Universiti / Negara.
- 2.3 Membuka peluang pemindahan dan/ atau pertukaran kepakaran dan teknologi.
- 2.4 Menjalinkan hubungan rangkaian yang erat dengan pihak luar.

## **3. KATEGORI LATIHAN**

- 3.1 Latihan Sub Kepakaran (Sepenuh Masa)
- 3.2 Latihan Sub Kepakaran (Khas 1)
- 3.3 Latihan Sub Kepakaran (Khas 2)
- 3.4 Latihan Klinikal (Staf Akademik)
- 3.5 Perkhidmatan Klinikal

### **3.1.1 LATIHAN SUB KEPAKARAN (SEPUHU MASA)**

| <b>Bil.</b> | <b>Perkara</b>                                 | <b>Penerangan</b>   |
|-------------|--|---|
| 1.          | Definisi                                       | Program Latihan Sub Kepakaran yang diikuti secara sepenuh masa sama ada di dalam negara atau luar negara atau kombinasi (dalam dan luar negara).  |
| 2.          | Kategori Pembiayaan                            | <p>Permohonan mengikuti Latihan Sub Kepakaran boleh dilakukan dengan tiga (3) cara iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Dengan pembiayaan Kementerian Pendidikan Tinggi (tertakluk kepada kuota yang diperuntukkan)</li> <li>ii. Dengan pembiayaan agensi luar/ pusat perubatan/ universiti yang menawarkan latihan sub kepakaran<br/>(sekiranya pihak agensi luar memberikan tawaran berbentuk pekerjaan dan ada dinyatakan pemberian <b>gaji</b>, fakulti perlu mengesahkan tawaran tersebut merupakan keperluan latihan untuk staf berkenaan)</li> <li>iii. Tanpa pembiayaan (bergaji penuh sahaja mengikut kelayakan)</li> </ul>  |
| 3.          | Tempat   | <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Dalam Negara; atau</li> <li>ii. Luar Negara; atau</li> <li>iii. Kombinasi (Dalam Negara dan Luar Negara)</li> </ul>   |
| 4.          | Syarat-syarat permohonan Latihan Sub Kepakaran | <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Warganegara Malaysia;</li> <li>ii. Telah disahkan dalam jawatan semasa memohon;</li> <li>iii. Bebas daripada sebarang hukuman tatatertib universiti dan/ atau pendakwaan di mahkamah;</li> <li>iv. Berkhidmat sekurang-kurangnya satu (1) tahun selepas dianugerahkan Sarjana Kepakaran* (bagi permohonan tajaan KPT);</li> <li>v. Mempunyai baki perkhidmatan yang mencukupi untuk menyempurnakan ikatan kontrak bagi apa-apa bentuk penajaan atau pembiayaan kursus/ latihan/ pembelajaran sebelum umur bersara wajib;</li> <li>vi. Diperakuan oleh Dekan Fakulti;</li> <li>vii. Pelan Latihan diperaku oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia Fakulti;</li> <li>viii. Tempoh Latihan Sub Kepakaran tidak melebihi 1 tahun (bagi permohonan tajaan KPT);</li> <li>ix. Telah mengisytiharkan harta dalam tempoh lima (5) tahun ke belakang;</li> <li>x. Calon yang memohon mengikuti program di luar negara dengan tajaan Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia hendaklah mendapatkan tempat di pusat perubatan terkemuka dunia sahaja*;</li> <li>xi. Mencapai markah Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) 80% ke atas bagi tempoh 3 tahun terkini.</li> </ul> <p>*tertakluk kepada syarat semasa yang ditetapkan oleh KPT.</p> |
| 5.          | Senarai dokumen untuk proses permohonan        | Senarai semak yang terkini boleh dimuat turun di laman web Pejabat Pendaftar UiTM.  |
| 6.          | Tempoh Latihan Sub Kepakaran                   | Tempoh Latihan Sub Kepakaran adalah tidak melebihi tempoh 48 bulan dan hendaklah dilakukan dalam suatu tempoh secara berterusan seperti yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Induk Peningkatan Kerjaya Sumber Manusia UiTM.  |

| Bil. | Perkara                            | Penerangan   |  |
|------|------------------------------------|--|--|
| 7.   | Pengajaran & Perkhidmatan Klinikal | Tiada pengajaran & perkhidmatan klinikal di fakulti sepanjang tempoh latihan.  |  |
| 8.   | Kemudahan Gaji/ Elaun              | KATEGORI PEMBIAYAAN  | KEMUDAHAN/ ELAUN   |
|      |                                    | Pembiayaan Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia  | <p>Dibiayai oleh UiTM**:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bergaji Penuh (mengikut kelayakan)               <ul style="list-style-type: none"> <li>- Semasa dalam tempoh Latihan Sub Kepakaran, pegawai adalah tidak layak untuk menerima Elaun Memangku, Elaun Tanggungan Kerja, Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritis, Bayaran Insentif Akademik Pensyarah Perubatan, Elaun Bantuan Sara Hidup (jika tempoh latihan melebihi tempoh 12 bulan bagi latihan di luar negara) atau apa-apa elaun pentadbiran.</li> </ul> </li> <li>• Rawatan perubatan di klinik panel UiTM/ hospital kerajaan (dalam negara sahaja)</li> </ul> <p>Dibiayai oleh KPT**:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Yuran pengajian</li> <li>• Elaun Sara Hidup/ bulan (mengikut kadar negara)</li> <li>• Elaun Penempatan (jika layak)</li> <li>• Elaun Akhir Pengajian (jika layak)</li> <li>• Elaun Buku/ tahun</li> <li>• Elaun Alat Perkakas/ tahun</li> <li>• Elaun Pakaian Panas (jika layak)*</li> <li>• Tambang kapal terbang pergi dan balik (sekali sahaja sepanjang pengajian)*</li> <li>• Insurans Kesihatan*</li> </ul> <p>* hanya layak dibayar bagi latihan sub kepakaran di luar negara sahaja</p> |
|      |                                    | Pembiayaan agensi luar/ pusat perubatan/ universiti yang menawarkan latihan sub kepakaran<br><br>(sekiranya pihak agensi luar memberikan tawaran berbentuk pekerjaan dan ada dinyatakan pemberian <u>gaji</u> , fakulti perlu mengesahkan tawaran tersebut merupakan keperluan latihan untuk staf berkenaan) | <p>Dibiayai oleh UiTM**:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bergaji Penuh (mengikut kelayakan)               <ul style="list-style-type: none"> <li>- Semasa dalam tempoh Latihan Sub Kepakaran, pegawai adalah tidak layak untuk menerima Elaun Memangku, Elaun Tanggungan Kerja, Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritis, Bayaran Insentif Akademik Pensyarah Perubatan, Elaun Bantuan Sara Hidup (jika tempoh latihan melebihi tempoh 12 bulan bagi latihan di luar negara) atau apa-apa elaun pentadbiran.</li> </ul> </li> <li>• Rawatan perubatan di klinik panel UiTM/ hospital kerajaan (dalam negara sahaja)</li> </ul> <p>Dibiayai oleh agensi penaja selain daripada KPT:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bergantung kepada tajaan oleh pihak penaja</li> </ul>   |

| Bil.  | Perkara                 | Penerangan   |  |   |                            |
|---|-------------------------|--|--|---|----------------------------|
|   |                         | KATEGORI PEMBIAYAAN  |  | KEMUDAHAN/ ELAUN  |                            |
|   |                         | Tanpa pemberian bantuan  |  | <p>Dibayai oleh UiTM**:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bergaji Penuh (mengikut kelayakan) <ul style="list-style-type: none"> <li>- Semasa dalam tempoh Latihan Sub Kepakaran, pegawai adalah tidak layak untuk menerima Elaun Memangku, Elaun Tanggungan Kerja, Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritis, Bayaran Insentif Akademik Pensyarah Perubatan, Elaun Bantuan Sara Hidup (jika tempoh latihan melebihi tempoh 12 bulan bagi latihan di luar negara) atau apa-apa elauan pentadbiran.</li> </ul> </li> <li>• Rawatan perubatan di klinik panel UiTM/ hospital kerajaan (dalam negara sahaja)</li> </ul> |                            |
| <p>** tertakluk kepada peraturan semasa yang sedang berkuat kuasa</p> |                         |  |  |   |                            |
| 9.  | Ikatan Kontrak          | Jenis Program Latihan  | Tempoh Latihan dan Tempoh Lanjutan Latihan (jika ada)  | Tempoh Perkhidmatan   | Jumlah Tuntutan Ganti Rugi |
|   |                         | Latihan Sub Kepakaran (Sepenuh Masa)   | Lebih 3 bulan – 1 tahun<br>Lebih 1 tahun – 2 tahun<br>Lebih 2 tahun – 3 tahun<br>Lebih 3 tahun | 3 tahun<br>5 tahun<br>6 tahun<br>7 tahun  | Kos Sebenar                |
| 10.   | Kemudahan Dalam Latihan | Pembentangan kertas kerja/ menghadiri konferensi di dalam atau luar negara (tanpa pemberian bantuan)   |  |   |                            |
| 11.   | KPI Latihan             | Ditetapkan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia Fakulti tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Induk Peningkatan Kerjaya Sumber Manusia UiTM.  |  |   |                            |
| 12.   | Kelulusan Permohonan    | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jawatankuasa Induk Peningkatan Kerjaya Sumber Manusia UiTM (bagi tempoh latihan melebihi 3 bulan)</li> <li>• Panel Pembangunan Sumber Manusia Fakulti (bagi tempoh latihan 3 bulan dan ke bawah)</li> </ul> |  |   |                            |
| 13.   | Lain-lain Keterangan    | Output – Pendaftaran Kepakaran Nasional ( <i>National Specialist Registry</i> ).   |  |   |                            |

### **3.2.1 LATIHAN SUB KEPAKARAN (KHAS 1)**

| <b>Bil.</b> | <b>Perkara</b>                                 | <b>Penerangan</b>  |
|-------------|--|--|
| 1.          | Definisi                                       | Program Latihan Sub Kepakaran yang diikuti di institusi latihan di kawasan Lembah Klang (Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya) di luar institusi Fakulti Perubatan, UiTM.  |
| 2.          | Kategori Pembiayaan                            | Tanpa pembiayaan (bergaji penuh sahaja mengikut kelayakan).  |
| 3.          | Tempat   | Kawasan Lembah Klang (Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya) di luar institusi Fakulti Perubatan, UiTM.   |
| 4.          | Syarat-syarat permohonan Latihan Sub Kepakaran | <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Warganegara Malaysia;</li> <li>ii. Telah disahkan dalam jawatan semasa memohon;</li> <li>iii. Bebas daripada sebarang hukuman tatatertib universiti dan/ atau pendakwaan di mahkamah;</li> <li>iv. Mempunyai baki perkhidmatan yang mencukupi untuk menyempurnakan ikatan kontrak bagi apa-apa bentuk penajaan atau pembiayaan kursus/ latihan/ pembelajaran sebelum umur bersara wajib;</li> <li>v. Diperakukan oleh Dekan Fakulti;</li> <li>vi. Pelan Latihan diperaku oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia Fakulti;</li> <li>vii. Telah mengisyiharkan harta dalam tempoh lima (5) tahun ke belakang;</li> <li>viii. Mencapai markah Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) 80% ke atas bagi tempoh 3 tahun terkini.</li> </ul> |
| 5.          | Senarai dokumen untuk proses permohonan        | Senarai semak yang terkini boleh dimuat turun di laman web Pejabat Pendaftar UiTM. (Fakulti perlu mengemukakan jadual mengajar pensyarah dengan pengesahan Fakulti berserta jumlah jam mengajar yang ditetapkan oleh fakulti bagi tempoh tersebut)   |
| 6.          | Tempoh Latihan Sub Kepakaran                   | Melebihi 3 bulan.  |
| 7.          | Pengajaran & Perkhidmatan Klinikal             | Sekurang-kurangnya satu hari seminggu perlu berkhidmat di fakulti dan direkod dalam sistem MyATP.  |
| 8.          | Kemudahan Gaji/ Elaun                          | <p>Dibiayai oleh UiTM**:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bergaji Penuh (mengikut kelayakan) <ul style="list-style-type: none"> <li>- Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal dan Bayaran Insentif Akademik Pensyarah Perubatan dikekalkan</li> </ul> </li> <li>• Rawatan perubatan di klinik panel UiTM/ hospital kerajaan (dalam negara sahaja)</li> </ul>  |

\*\* tertakluk kepada peraturan semasa yang sedang berkuat kuasa

| Bil. | Perkara                 | Penerangan   |  |                            |
|------|-------------------------|--|--|----------------------------|
| 9.   | Ikatan Kontrak          | Jenis Program Latihan  | Tempoh Perkhidmatan Latihan  | Jumlah Tuntutan Ganti Rugi |
|      |                         | Latihan Sub Kepakaran (Khas 1)   | Tempoh yang bersamaan dengan dua kali ganda daripada Tempoh Latihan dan Tempoh Lanjutan Latihan (jika ada) | Kos Sebenar                |
| 10.  | Kemudahan Dalam Latihan | Pembentangan kertas kerja/ menghadiri konferensi di dalam atau luar negara (tanpa pembiayaan)  |  |                            |
| 11.  | KPI Latihan             | Ditetapkan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia Fakulti tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Induk Peningkatan Kerjaya Sumber Manusia UiTM.  |  |                            |
| 12.  | Kelulusan Permohonan    | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jawatankuasa Induk Peningkatan Kerjaya Sumber Manusia UiTM (bagi tempoh latihan melebihi 3 bulan)</li> <li>• Panel Pembangunan Sumber Manusia Fakulti (bagi tempoh latihan 3 bulan dan ke bawah)</li> </ul>   |  |                            |
| 13.  | Lain-lain Keterangan    | <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Output – Pendaftaran Kepakaran Nasional (<i>National Specialist Registry</i>).</li> <li>ii. Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal dan Bayaran Insentif Akademik Pensyarah Perubatan dikekalkan kerana tugas-tugas pengajaran dan perkhidmatan klinikal tetap akan dijalankan mengikut tempoh yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan. Ini akan membolehkan jabatan yang berkenaan menghantar ahli-ahli mereka untuk mendapatkan latihan subkepakaran dengan mengekalkan jumlah pengajaran serta pembelajaran yang diperlukan oleh setiap jabatan.</li> </ol> |  |                            |

### **3.3.1 LATIHAN SUB KEPAKARAN (KHAS 2)**

| Bil. | Perkara             | Penerangan  |
|------|---------------------|---|
| 1.   | Definisi            | Program Latihan Sub Kepakaran yang diikuti di institusi latihan di bawah Fakulti Perubatan, UiTM (Hospital Sg. Buloh, Hospital Selayang dan PPUiTM/ Hospital UiTM). |
| 2.   | Kategori Pembiayaan | Tanpa pembiayaan (bergaji penuh sahaja mengikut kelayakan).   |
| 3.   | Tempat              | Institusi latihan di bawah Fakulti Perubatan, UiTM (Hospital Sg. Buloh, Hospital Selayang dan PPUiTM/ Hospital UiTM).   |

| <b>Bil.</b>                    | <b>Perkara</b>   | <b>Penerangan</b>   |                              |                            |                                   |                                |  |             |
|--------------------------------|--|---|------------------------------|----------------------------|-----------------------------------|--------------------------------|--|-------------|
| 4.                             | Syarat-syarat permohonan Latihan Sub Kepakaran                                     | <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Warganegara Malaysia;</li> <li>ii. Telah disahkan dalam jawatan semasa memohon;</li> <li>iii. Bebas daripada sebarang hukuman tatatertib universiti dan/ atau pendakwaan di mahkamah;</li> <li>iv. Mempunyai baki perkhidmatan yang mencukupi untuk menyempurnakan ikatan kontrak bagi apa-apa bentuk penajaan atau pembiayaan kursus/ latihan/ pembelajaran sebelum umur bersara wajib;</li> <li>v. Diperakukan oleh Dekan Fakulti;</li> <li>vi. Pelan Latihan diperakui oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia Fakulti;</li> <li>vii. Telah mengisyiharkan harta dalam tempoh lima (5) tahun ke belakang;</li> <li>viii. Mencapai markah Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) 80% ke atas bagi tempoh 3 tahun terkini.</li> </ul> |                              |                            |                                   |                                |  |             |
| 5.                             | Senarai dokumen untuk proses permohonan  | Senarai semak yang terkini boleh dimuat turun di laman web Pejabat Pendaftar UiTM. (Fakulti perlu mengemukakan jadual mengajar pensyarah dengan pengesahan Fakulti berserta jumlah jam mengajar yang ditetapkan oleh fakulti bagi tempoh tersebut)  |                              |                            |                                   |                                |  |             |
| 6.                             | Tempoh Latihan Sub Kepakaran   | Melebihi 3 bulan.   |                              |                            |                                   |                                |  |             |
| 7.                             | Pengajaran & Perkhidmatan Klinikal   | Pengajaran & Perkhidmatan Klinikal sepenuh masa di Fakulti Perubatan UiTM dan direkod dalam sistem MyATP.   |                              |                            |                                   |                                |  |             |
| 8.                             | Kemudahan Gaji/ Elaun  | <p>Dibiayai oleh UiTM**:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bergaji Penuh (mengikut kelayakan)           <ul style="list-style-type: none"> <li>- Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal dan Bayaran Insentif Akademik Pensyarah Perubatan dikenakan</li> </ul> </li> <li>• Rawatan perubatan di klinik panel UiTM/ hospital kerajaan (dalam negara sahaja)</li> </ul> <p>** tertakluk kepada peraturan semasa yang sedang berkuat kuasa</p>  |                              |                            |                                   |                                |  |             |
| 9.                             | Ikatan Kontrak   | <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center; width: 33.33%;"><b>Jenis Program Latihan</b></th><th style="text-align: center; width: 33.33%;"><b>Tempoh Perkhidmatan</b></th><th style="text-align: center; width: 33.33%;"><b>Jumlah Tuntutan Ganti Rugi</b></th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">Latihan Sub Kepakaran (Khas 2)</td><td style="text-align: center;">Tempoh yang bersamaan dengan Tempoh Latihan dan Tempoh Lanjutan Latihan (jika ada)</td><td style="text-align: center;">Kos Sebenar</td></tr> </tbody> </table>  | <b>Jenis Program Latihan</b> | <b>Tempoh Perkhidmatan</b> | <b>Jumlah Tuntutan Ganti Rugi</b> | Latihan Sub Kepakaran (Khas 2) | Tempoh yang bersamaan dengan Tempoh Latihan dan Tempoh Lanjutan Latihan (jika ada) | Kos Sebenar |
| <b>Jenis Program Latihan</b>   | <b>Tempoh Perkhidmatan</b>   | <b>Jumlah Tuntutan Ganti Rugi</b>   |                              |                            |                                   |                                |  |             |
| Latihan Sub Kepakaran (Khas 2) | Tempoh yang bersamaan dengan Tempoh Latihan dan Tempoh Lanjutan Latihan (jika ada) | Kos Sebenar   |                              |                            |                                   |                                |  |             |
| 10.                            | Kemudahan Dalam Latihan  | Pembentangan kertas kerja/ menghadiri konferensi di dalam atau luar negara (tanpa pembiayaan)   |                              |                            |                                   |                                |  |             |
| 11.                            | KPI Latihan  | Ditetapkan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia Fakulti tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Induk Peningkatan Kerjaya Sumber Manusia UiTM.   |                              |                            |                                   |                                |  |             |

| Bil. | Perkara              | Penerangan  |
|------|----------------------|---|
| 12.  | Kelulusan Permohonan | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jawatankuasa Induk Peningkatan Kerjaya Sumber Manusia UiTM (bagi tempoh latihan melebihi 3 bulan)</li> <li>• Panel Pembangunan Sumber Manusia Fakulti (bagi tempoh latihan 3 bulan dan ke bawah)</li> </ul>  |
| 13.  | Lain-lain Keterangan | <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Output – Pendaftaran Kepakaran Nasional (<i>National Specialist Registry</i>).</li> <li>ii. Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal dan Bayaran Insentif Akademik Pensyarah Perubatan dikekalkan kerana tugas-tugas pengajaran dan perkhidmatan klinikal tetap akan dijalankan seperti yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan. Ini akan membolehkan Fakulti memantau aktiviti pensyarah yang mendapat latihan subkepakaran daripada pakar perunding UiTM yang sedia ada dan memastikan mereka meneruskan perkhidmatan mereka di UiTM selepas tamat latihan.</li> </ul> |

#### **3.4.1 LATIHAN KLINIKAL (STAF AKADEMIK)**

| Bil. | Perkara  | Penerangan   |
|------|--|--|
| 1.   | Definisi                                       | <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Program latihan klinikal yang mana selesai latihan ini tidak akan memberikan sub kepakaran yang diakui oleh Pendaftaran Kepakaran Nasional (<i>National Specialist Registry</i>).</li> <li>ii. Latihan klinikal dalam beberapa bidang akan membolehkan pensyarah mendalami pengetahuan serta kemahiran klinikal mereka sementara mengekalkan jumlah pengajaran serta pembelajaran yang diperlukan oleh setiap jabatan.</li> </ul>  |
| 2.   | Kategori Pembiayaan                            | Tanpa pembiayaan (bergaji penuh sahaja mengikut kelayakan).  |
| 3.   | Tempat   | Kawasan Lembah Klang (Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya) di luar institusi Fakulti.   |
| 4.   | Syarat-syarat permohonan Latihan Sub Kepakaran | <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Warganegara Malaysia;</li> <li>ii. Telah disahkan dalam jawatan semasa memohon;</li> <li>iii. Bebas daripada sebarang hukuman tatatertib universiti dan/ atau pendakwaan di mahkamah;</li> <li>iv. Mempunyai baki perkhidmatan yang mencukupi untuk menyempurnakan ikatan kontrak bagi apa-apa bentuk penajaan atau pembiayaan kursus/ latihan/ pembelajaran sebelum umur bersara wajib;</li> <li>v. Diperakukan oleh Dekan Fakulti;</li> <li>vi. Pelan Latihan diperakui oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia Fakulti;</li> <li>vii. Telah mengisytiharkan harta dalam tempoh lima (5) tahun ke belakang;</li> <li>viii. Mencapai markah Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) 80% ke atas bagi tempoh 3 tahun terkini.</li> </ul> |

| <b>Bil.</b>           | <b>Perkara</b>   | <b>Penerangan</b>   |                       |                     |                            |                  |  |             |
|-----------------------|--|---|-----------------------|---------------------|----------------------------|------------------|--|-------------|
| 5.                    | Senarai dokumen untuk proses permohonan  | Senarai semak yang terkini boleh dimuat turun di laman web Pejabat Pendaftar UiTM. (Fakulti perlu mengemukakan jadual mengajar pensyarah dengan pengesahan Fakulti berserta jumlah jam mengajar yang ditetapkan oleh fakulti bagi tempoh tersebut)  |                       |                     |                            |                  |  |             |
| 6.                    | Tempoh Latihan Sub Kepakaran   | Melebihi tiga (3) bulan dan ke atas dan tidak melebihi tempoh satu (1) tahun.   |                       |                     |                            |                  |  |             |
| 7.                    | Pengajaran & Perkhidmatan Klinikal   | Sekurang-kurangnya 3 hari seminggu perlu berkhidmat di Fakulti dan direkod dalam sistem MyATP.  |                       |                     |                            |                  |  |             |
| 8.                    | Kemudahan Gaji/ Elaun  | <p>Dibiayai oleh UiTM**:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bergaji Penuh (mengikut kelayakan) <ul style="list-style-type: none"> <li>- Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal dan Bayaran Insentif Akademik Pensyarah Perubatan dikekalkan</li> </ul> </li> <li>• Rawatan perubatan di klinik panel UiTM/ hospital kerajaan (dalam negara sahaja)</li> </ul> <p>** tertakluk kepada peraturan semasa yang sedang berkuat kuasa</p>   |                       |                     |                            |                  |  |             |
| 9.                    | Ikatan Kontrak   | <table border="1"> <thead> <tr> <th>Jenis Program Latihan</th> <th>Tempoh Perkhidmatan</th> <th>Jumlah Tuntutan Ganti Rugi</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Latihan Klinikal</td> <td>Tempoh yang bersamaan dengan Tempoh Latihan dan Tempoh Lanjutan Latihan (jika ada)</td> <td>Kos Sebenar</td> </tr> </tbody> </table>  | Jenis Program Latihan | Tempoh Perkhidmatan | Jumlah Tuntutan Ganti Rugi | Latihan Klinikal | Tempoh yang bersamaan dengan Tempoh Latihan dan Tempoh Lanjutan Latihan (jika ada) | Kos Sebenar |
| Jenis Program Latihan | Tempoh Perkhidmatan  | Jumlah Tuntutan Ganti Rugi  |                       |                     |                            |                  |  |             |
| Latihan Klinikal      | Tempoh yang bersamaan dengan Tempoh Latihan dan Tempoh Lanjutan Latihan (jika ada) | Kos Sebenar   |                       |                     |                            |                  |  |             |
| 10.                   | Kemudahan Dalam Latihan  | Pembentangan kertas kerja/ menghadiri konferensi di dalam atau luar negara (tanpa pembiayaan)   |                       |                     |                            |                  |  |             |
| 11.                   | KPI Latihan  | Ditetapkan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia Fakulti tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Induk Peningkatan Kerjaya Sumber Manusia UiTM.   |                       |                     |                            |                  |  |             |
| 12.                   | Kelulusan Permohonan   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jawatankuasa Induk Peningkatan Kerjaya Sumber Manusia UiTM (bagi tempoh latihan melebihi 3 bulan)</li> <li>• Panel Pembangunan Sumber Manusia Fakulti (bagi tempoh latihan 3 bulan dan ke bawah)</li> </ul>  |                       |                     |                            |                  |  |             |
| 13.                   | Lain-lain Keterangan   | <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Output – Surat tamat latihan yang dikeluarkan oleh ketua jabatan di tempat latihan.</li> <li>ii. Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal dan Bayaran Insentif Akademik Pensyarah Perubatan dikekalkan kerana tugas-tugas pengajaran dan perkhidmatan klinikal tetap akan dijalankan seperti yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan. Latihan klinikal dalam beberapa bidang ini akan membolehkan pensyarah mendalami pengetahuan serta kemahiran klinikal mereka sementara mengekalkan jumlah pengajaran serta pembelajaran yang diperlukan oleh setiap jabatan.</li> </ol> |                       |                     |                            |                  |  |             |

### **3.5.1 PERKHIDMATAN KLINIKAL**

| <b>Bil.</b> | <b>Perkara</b>                                 | <b>Penerangan</b>   |
|-------------|--|---|
| 1.          | Definisi                                       | <p>i. Program Perkhidmatan Klinikal adalah untuk staf dalam kategori berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Sudah menyempurnakan semua latihan kepakaran dan sub kepakaran yang diiktiraf oleh <i>National Specialist Registry</i> dalam bidang masing-masing.</li> <li>b) Perkhidmatan klinikal yang berkaitan dalam bidang pengkhususan staf tidak tersedia di institusi perubatan UiTM.</li> </ul> <p>ii. Membolehkan pakar dalam beberapa bidang khusus ini mengekalkan kemahiran masing-masing dengan memberikan perkhidmatan klinikal tersebut di institusi lain.</p>   |
| 2.          | Kategori Pembiayaan                            | Tanpa pembiayaan (bergaji penuh sahaja mengikut kelayakan).   |
| 3.          | Tempat   | Kawasan Lembah Klang (Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya) di luar institusi Fakulti.  |
| 4.          | Syarat-syarat permohonan Latihan Sub Kepakaran | <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Warganegara Malaysia;</li> <li>ii. Telah disahkan dalam jawatan semasa memohon;</li> <li>iii. Bebas daripada sebarang hukuman tatatertib universiti dan/ atau pendakwaan di mahkamah;</li> <li>iv. Mempunyai baki perkhidmatan yang mencukupi untuk menyempurnakan ikatan kontrak bagi apa-apa bentuk penajaan atau pembiayaan kursus/ latihan/ pembelajaran sebelum umur bersara wajib;</li> <li>v. Diperakukan oleh Dekan Fakulti;</li> <li>vi. Pelan Latihan diperaku oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia Fakulti;</li> <li>vii. Telah mengisytiharkan harta dalam tempoh lima (5) tahun ke belakang;</li> <li>viii. Mencapai markah Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) 80% ke atas bagi tempoh 3 tahun terkini.</li> </ul> |
| 5.          | Senarai dokumen untuk proses permohonan        | Senarai semak yang terkini boleh dimuat turun di laman web Pejabat Pendaftar UiTM. (Fakulti perlu mengemukakan jadual mengajar pensyarah dengan pengesahan Fakulti berserta jumlah jam mengajar yang ditetapkan oleh fakulti bagi tempoh tersebut)  |
| 6.          | Tempoh Latihan Sub Kepakaran                   | Melebihi tiga (3) bulan sehingga satu (1) tahun.  |
| 7.          | Pengajaran & Perkhidmatan Klinikal             | Perlu berkhidmat di fakulti untuk tempoh yang ditentukan oleh Fakulti atas dasar kepentingan perkhidmatan dan direkod dalam sistem MyATP.   |

| <b>Bil.</b> | <b>Perkara</b>          | <b>Penerangan</b>   |
|-------------|-------------------------|---|
| 8.          | Kemudahan Gaji/ Elaun   | <p>Dibiayai oleh UiTM**:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bergaji Penuh (mengikut kelayakan)           <ul style="list-style-type: none"> <li>- Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal dan Bayaran Insentif Akademik Pensyarah Perubatan dikekalkan</li> </ul> </li> <li>• Rawatan perubatan di klinik panel UiTM/ hospital kerajaan (dalam negara sahaja)</li> </ul> <p>** tertakluk kepada peraturan semasa yang sedang berkuat kuasa</p> |
| 9.          | Ikatan Kontrak          | Tiada.  |
| 10.         | Kemudahan Dalam Latihan | Pembentangan kertas kerja/ menghadiri konferensi di dalam atau luar negara (tanpa pembiayaan)   |
| 11.         | KPI Latihan             | Ditetapkan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia Fakulti tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Induk Peningkatan Kerjaya Sumber Manusia UiTM.   |
| 12.         | Kelulusan Permohonan    | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jawatankuasa Induk Peningkatan Kerjaya Sumber Manusia UiTM (bagi tempoh latihan melebihi 3 bulan)</li> <li>• Panel Pembangunan Sumber Manusia Fakulti (bagi tempoh latihan 3 bulan dan ke bawah)</li> </ul>  |
| 13.         | Lain-lain Keterangan    | <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Output – Surat pengesahan perkhidmatan klinikal yang dikeluarkan oleh ketua jabatan di tempat latihan.</li> <li>ii. Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal dan Bayaran Insentif Akademik Pensyarah Perubatan dikekalkan kerana tugas-tugas pengajaran dan perkhidmatan klinikal tetap akan dijalankan seperti yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan.</li> </ul>  |

#### 4. PENILAIAN PRESTASI

- 4.1 Penyelia di tempat latihan dan Fakulti adalah bertanggungjawab untuk memantau staf yang menjalani Latihan Sub Kepakaran (sepenuh masa) dan perlu memberi maklum balas mengenai kemajuan latihan staf dalam borang laporan berkala/ borang Laporan Penilaian Prestasi Tahunan mengikut keperluan universiti.
- 4.2 Rekod Amanah Tugas Pensyarah (ATP) bagi pensyarah yang diluluskan mengikuti program Latihan Sub Kepakaran (Khas 1), Latihan Sub Kepakaran (Khas 2), Latihan Klinikal dan Perkhidmatan Klinikal ini hendaklah direkodkan dalam MyATP.

## 5. CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN

| PROSES   | CATATAN  | TANGGUNGJAWAB             |
|--|--|---------------------------|
| <pre> graph TD     A[Terima borang permohonan lengkap] --&gt; B{JKI-PKSM}     B --&gt; C[Sebelum memulakan program]     C --&gt; D[Semasa dalam tempoh program]     D --&gt; E{Tamat}   </pre> | <p>Permohonan hendaklah dihantar ke BKK selewat-lewatnya:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• 3 bulan sebelum bermula (dalam negara)</li> <li>• 6 bulan sebelum bermula (luar negara)</li> <li>• 1 bulan sebelum tarikh tutup permohonan (bagi permohonan tajaan KPT)</li> </ul> <p>Borang permohonan dan senarai semak boleh dimuat turun di laman web Pejabat Pendaftar di pautan berikut:<br/> <a href="https://pendaftar.uitm.edu.my/muat-turun/borang">https://pendaftar.uitm.edu.my/muat-turun/borang</a></p>   | Pemohon/ Dekan            |
|  | <p>Permohonan yang disokong akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Induk Peningkatan Kerjaya Sumber Manusia untuk mendapatkan keputusan.</p>  | Bahagian Kemajuan Kerjaya |
|  | <p>Sekiranya disokong untuk kelulusan penajaan di peringkat KPT:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Perakuan akan dihantar ke KPT.</li> <li>• Kementerian akan mengeluarkan surat tawaran biasiswa sekiranya diluluskan.</li> </ul> <p>Sekiranya diluluskan di peringkat UiTM (selain tajaan KPT):</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Surat keputusan akan dikeluarkan bersama borang perjanjian, borang penjamin dan senarai semak dokumen yang perlu dilengkapkan.</li> <li>• Setelah borang perjanjian yang telah lengkap diterima, memorandum syarat-syarat mengikuti program akan dikeluarkan.</li> </ul> | Bahagian Kemajuan Kerjaya |
|  | <p>Pemohon bertanggungjawab untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menghantar laporan berkala setiap 3 atau 6 bulan tertakluk kepada tempoh program yang diluluskan (latihan sepenuh masa).</li> <li>• Menghantar Penilaian Prestasi Tahunan pada setiap akhir tahun.</li> </ul> <p>Setelah tamat, pemohon bertanggungjawab untuk melapor diri dan menyertakan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Borang lapor diri;</li> <li>ii. Borang/ Laporan tamat program dengan ulasan Dekan; dan</li> <li>iii. Bukti penyempurnaan KPI.</li> </ol>  | Pemohon/ Dekan            |

## **6. LAIN-LAIN**

6.1 Seseorang pegawai boleh dikenakan tindakan jika:

- i. Tidak menyempurnakan Latihan Sub Kepakaran/ Latihan Klinikal/ Perkhidmatan Klinikal tanpa persetujuan universiti;
- ii. Berhenti atau meninggalkan perkhidmatan universiti sebelum tamat tempoh berkhidmat dengan universiti;
- iii. Dibuang kerja sebagai seorang kakitangan universiti;
- iv. Tidak mahu atau oleh kerana salah lakunya sendiri menjadikan dirinya tidak sesuai berkhidmat atau terus berkhidmat dengan universiti;
- v. Tidak menunjukkan usaha bersungguh-sungguh melaksanakan segala perancangan aktiviti yang diluluskan oleh universiti;
- vi. Tidak mengemukakan laporan kemajuan latihan seperti yang ditetapkan;
- vii. Tidak mencapai KPI sepertimana yang ditetapkan oleh UiTM;
- viii. Ditamatkan latihan oleh universiti atas tindakan disiplin atau melanggar etika peribadi dan/ atau etika akademik;
- ix. Tindakan yang wajar dan munasabah yang telah diputuskan oleh universiti.

6.2 Universiti berhak sepenuhnya untuk memendekkan atau menamatkan latihan yang diluluskan kepada pegawai demi kepentingan universiti.

6.3 Pegawai yang telah diluluskan latihan tidak boleh membatalkan, menangguhkan atau memendekkan tempoh latihan yang telah diluluskan kecuali dengan kelulusan universiti.

6.4 Pegawai yang mengikuti latihan yang dinyatakan dalam panduan ini hendaklah mematuhi peraturan-peraturan berikut:

- i. Pertukaran Bidang/ Tempat  
Pegawai tidak boleh menukar bidang dan tempat latihan kecuali dengan kelulusan Universiti.
- ii. Bantuan Kewangan dari Sumber Lain
  - a. Pegawai yang menerima elaun, bantuan kewangan atau sumber pendapatan lain semasa mengikuti latihan hendaklah melaporkan dan mendapatkan kelulusan universiti;

- b. Universiti boleh menggunakan budi bicaranya untuk mengekalkan atau mengurangkan emolumen atau/dan elau yang diperuntukkan kepada pegawai yang menjalani latihan yang dinyatakan dalam panduan ini; dan
  - c. Sekiranya diketahui bahawa seseorang pegawai menerima bantuan kewangan tanpa kelulusan universiti, tindakan boleh diambil dan kelulusan latihan boleh ditamatkan atau ditarik balik.
- iii. **Kelayakan Cuti**  
Kelayakan cuti rehat adalah tertakluk kepada Peraturan Cuti yang ditetapkan dalam Perintah Am Kerajaan.
- iv. **Komitmen Pegawai Menyempurnakan Latihan**
  - a. Semasa menjalankan program latihan, pegawai hendaklah memastikan bahawa program yang diluluskan disempurnakan sepenuhnya; dan
  - b. Sekiranya rancangan latihan pegawai perlu dipinda, pegawai berkenaan hendaklah memaklumkan kepada pihak universiti (jawatankuasa berkaitan) melalui Dekan/ Ketua PTJ.
- v. **Bekerja atau Menjalani Aktiviti Lain Untuk Keuntungan**  
Pegawai semasa menjalani latihan adalah pada setiap masa dalam perkhidmatan universiti dan dilarang menjalankan sebarang pekerjaan atau apa-apa aktiviti untuk keuntungan dari pihak atau sumber lain tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran secara bertulis daripada universiti.
- vi. **Program atau Kursus Lain Selain Daripada Latihan Yang Diluluskan**  
Pegawai tidak dibenarkan mengikuti apa-apa program atau kursus lain selain daripada latihan yang telah ditetapkan kecuali dengan kebenaran bertulis daripada universiti.
- vii. **Penangguhan Latihan**  
Pegawai tidak dibenarkan membuat sebarang penangguhan latihan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran Jawatankuasa Induk Peningkatan Kerjaya Sumber Manusia Universiti Teknologi MARA.
- viii. **Permohonan ke luar negara\***  
Sekiranya pegawai ingin ke luar negara dalam tempoh latihan, pegawai perlu mendapat kebenaran daripada Bahagian Kemajuan Kerjaya dan tertakluk kepada syarat di bawah:
  - a. Mendapatkan kebenaran penyelia/ Dekan;
  - b. Tertakluk kepada kelulusan penaja (jika ada); dan

| <b>TEMPOH CUTI</b> | <b>BIDANG KUASA</b>  |
|--------------------|--|
| Kurang 14 hari     | Permohonan ke Bahagian Kemajuan Kerjaya dengan syarat memenuhi keperluan prosedur yang ditetapkan di atas sebelum dimajukan kepada penaja. |

|                  |   |
|------------------|---|
| Melebihi 14 hari | Permohonan lengkap dan memenuhi prosedur yang ditetapkan untuk keputusan Jawatankuasa Induk Peningkatan Kerjaya Sumber Manusia sebelum dimajukan kepada penaja. |
|------------------|---|

\* tertakluk kepada peraturan semasa yang sedang berkuat kuasa

ix. Tatakelakuan dan Tatatertib

Sepanjang tempoh latihan, pegawai sentiasa tertakluk di bawah kawalan dan kaedah serta peraturan tatatertib kakitangan yang berkuat kuasa di universiti dan hendaklah berkelakuan selaras dengan tanggungjawabnya terhadap universiti dan kerajaan Malaysia.

x. Arahan melapor diri

- a. Pegawai hendaklah melaporkan diri bertugas semula dengan segera di Universiti Teknologi MARA setelah menamatkan program (bukan menunggu keputusan) ATAU setelah tamat tempoh latihan yang diluluskan ATAU selepas tiba di Malaysia (bagi pengajian di luar negara), yang mana lebih awal;
- b. Kegagalan melapor diri pada tarikh yang ditetapkan dianggap sebagai ketidakhadiran bertugas dan akan menyebabkan tindakan tatatertib boleh diambil ke atas pegawai.

## 7. HAK UNIVERSITI

- 7.1 Universiti boleh menamatkan atau membatalkan kelulusan latihan seseorang pegawai pada bila-bila masa sahaja yang dirasakan wajar demi kepentingan Universiti Teknologi MARA.
- 7.2 Walau apapun yang dinyatakan dalam garis panduan Latihan Sub Kepakaran, Latihan Klinikal dan Perkhidmatan Klinikal ini, universiti berhak meminda apa-apa peraturan dan peruntukan syarat-syarat dan atau menambahnya pada bila-bila masa sahaja tanpa sebarang notis dan pegawai adalah tertakluk kepada pindaan-pindaan dan atau tambahan-tambahan tersebut.